

5

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris
[SEPANGGAR]**

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kaedah bantuan yang ada bagi membina jalan-jalan ladang di kawasan DUN Inanam khususnya yang melibatkan kawasan pekebun-pekebun kecil.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah diperuntukkan sebanyak RM15.7 juta pada tahun 2017 bagi melaksanakan projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK).

Projek JLPK ini dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil yang di bawah seliaan Agensi-Agensi MPIC bagi memudahkan para pekebun kecil menghantar hasil pengeluaran ke pusat-pusat pemprosesan agar dapat memperolehi pendapatan yang berpatutan. Bentuk bantuan yang diberikan untuk JLPK adalah membina jalan baru, menaiktaraf jalan sedia ada, penyelenggaraan, pembinaan pembentung dan parit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MPIC memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan pedalaman yang tidak mempunyai akses jalan masuk memandangkan peruntukan yang terhad. MPIC sedia menimbang permohonan sekiranya ada terdapat kawasan pekebun kecil komoditi di DUN Inanam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 14

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah penambahan kapal-kapal asing yang singgah di pelabuhan-pelabuhan di Sarawak atau peningkatan muatan kargo yang diuruskan oleh pelabuhan-pelabuhan di Sarawak sejak pembatalan cabotage polisi pada 1 Jun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pengecualian Dasar Kabotaj di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017. Jumlah singgahan kapal-kapal asing di pelabuhan-pelabuhan Sarawak bermula 1 Jun 2017 hingga 30 September 2017 adalah sebanyak 1208 singgahan berbanding 1357 singgahan untuk tempoh yang sama bagi tahun 2016.

Pada masa ini, adalah sukar untuk menilai singgahan kapal-kapal asing ke pelabuhan-pelabuhan Sarawak susulan daripada pengecualian Dasar Kabotaj memandangkan syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa akan mengambil tempoh masa 6 hingga 12 bulan untuk *repositioning of ship* ke sektor pelabuhan Sarawak di atas pertimbangan komersial.